

EKSklusif

Metro
3.0/18

Risiko
sembelih haiwan
korban tanpa
kuarantin

LEMBU 'PROJEK'

► Lebih 10,000 lembu dan kerbau dipercayai diseludup dari Myanmar dan Thailand dalam tempoh dua bulan lalu. Ia bertujuan memenuhi permintaan ibadah korban sempena Aidiladha dua minggu lagi. Sebahagian daripada ternakan itu dipercayai membawa penyakit yang bukan saja berbahaya kepada lembu dan kerbau tempatan, malah juga manusia, lapor Yusri Abdul Malek dan Mohd Firdaus Ibrahim

> 10&11

HARIAN METRO

FOTO: GHAZALI KORI



DUA ekor lembu diikat pada sampan dipaksa 'berenang' menyeberangi sungai.



Sempadan Perlis, Kelantan lokasi sasaran penyeludup

Putrajaya: Sempadan Perlis dan Kelantan dikenal pasti sebagai lokasi sasaran digunakan sindiket penyeludupan untuk menyeludup ternakan seperti lembu dan kambing.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Mokhtarudin Husain berkata, berdasarkan siasatan pihaknya mendapati dua negeri itu menjadi sasaran kumpulan penyeludup untuk membawa masuk sebelum menjualnya di Malaysia.

Katanya, kawasan paling popular penyeludupan ternakan adalah di sempadan sempadan Thailand-Kelantan iaitu di Sungai Golok kerana sindiket mudah menyeludup ternakan.

"Faktor sungai yang panjang manakala jaraknya yang dekat memudahkan ahli sindiket itu membawa masuk binatang ternakan berkenaan.

"Jika sungai kering, ia akan menjadi lebih mudah buat mereka (sindiket) untuk membawa masuk (seludup)," katanya.

Mokhtarudin berkata, Perlis adalah lokasi seterusnya disasarkan sindiket untuk menyeludup haiwan ternakan berkenaan.

"Antara lokasi popular adalah di sempadan FELDA Mata Ayer dan FELDA Lubuk Sireh. Mungkin disebabkan jaraknya yang dekat dengan kawasan sempadan," katanya.

Menjawab soalan wartawan, Mokhtarudin berkata, kegiatan penyeludupan haiwan ternakan sempena perayaan Aidilfitri dan Aidiladha lebih aktif menjelang hari kebesaran berkenaan untuk memenuhi pasaran tempatan.

"Ini bagi memudahkan sindiket menghapuskan bukti. Jika mereka

membawa masuk dalam masa lama...lembu itu perlu disimpan di kandang sementara waktu sebelum disembelih dan dagingnya dijual.

"Sebaliknya, jika mereka membawa masuk ketika dekat dengan Aidiladha, semua lembu itu terus diserahkan kepada pembeli. Jadi, sukar untuk kami kesan bukti," katanya.

Katanya, pihaknya sentiasa bekerjasama dengan agensi berkaitan bagi memerangi kegiatan penyeludupan haiwan kerana dibimbangi binatang yang diseludup itu tidak selamat kerana mempunyai penyakit.

Dalam perkembangan sama, Mokhtarudin berkata, sebanyak 14,797 lembu yang diekspor dari negara seperti Thailand dan Australia sudah masuk ke negara ini untuk persediaan ibadah korban.

"Dari Australia sebanyak 11,234

ekor manakala di Kelantan adalah 1,300 manakala di Padang Besar, Perlis dan Bukit Kayu Hitam, Kedah adalah sebanyak 2,326. Semua sudah melepasi tempoh kuarantin ditetapkan jabatan dan bebas daripada sebarang penyakit," katanya.

MOKHTARUD-DIN



DR Kamarudin

Bangun sistem pengenalan haiwan

Selangor: Satu sistem pengenalan pada haiwan ternakan akan dibangunkan antara Malaysia dan Thailand dalam tempoh terdekat bagi mengesan penyakit bawaan serta menyekat aktiviti penyeludupan haiwan secara haram.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Datuk Dr Kamarudin Md Isa berkata, perkara itu sudah dibincangkan di peringkat bahagian Veterinar Thailand dalam satu pertemuan di Langkawi, baru-baru ini.

"Selepas sistem ini dibangunkan, setiap pengenalan haiwan dapat dikenal pasti melalui implan yang dimasukkan ke badan haiwan itu.

"Pengenalan ini memerlukan pelaksanaan sistematik iaitu sistem itu boleh diakses oleh kedua-dua negara.

"Jika gagal ketika pemeriksaan semasa dikuarantin, bermakna ternakan itu masuk secara haram," katanya pada sidang media selepas merasmikan Seminar Kesedaran Awam Mengenai Penggunaan Antibiotik Dalam Penternakan Haiwan, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan muka depan Harian Metro semalam mengenai lebih 10,000 lembu dan kerbau diseludup dari Myanmar dan Thailand dalam tempoh dua bulan lalu.

Berdasarkan laporan eksklusif berkenaan, ternakan seludup itu dipercayai bagi memenuhi ibadah korban sempena Aidiladha dan sebahagian haiwan itu dipercayai membawa penyakit yang bukannya sah berbahaya kepada lembu dan kerbau malah manusia.

ESOK: Penyeludup raih RMI juta sebulan